

BIL 2 | 2025

BULETIN

MAJLIS DAERAH KERIAN



MENERIMA DUA ANUGERAH SEMPENA *Hari Perancangan Bandar Sedunia 2025*

PERINGKAT KEBANGSAAN

KANDUNGAN MENARIK



**Majlis SIRIM
Industri 2025**



**Projek Inovasi
e-SENTUH**



**Raih Dua Anugerah
di Festival Koir**

Isi Kandungan

4

- Majlis Daerah Kerian Terima Dua Anugerah Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2025 Peringkat Kebangsaan
- Majlis SIRIM Industri 2025

5

- Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Peringkat Kebangsaan 2025
- Majlis Daerah Kerian Terima Anugerah Bandar Paling Mampan 2025 Peringkat Negeri Perak

6

- Majlis Daerah Kerian Raih Dua Anugerah Di Festival Koir Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak Tahun 2025
- Majlis Daerah Kerian Membentangkan Projek Inovasi eSENTUH Dalam Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) Peringkat Negeri Perak 2025

7

- Audit Pemantauan SIRIM MS ISO 9001:2015 Dan MS ISO 37001:2016
- Sesi Hebahan Dan Perbincangan Pelan Induk Bandar Pintar Negeri Perak Dan Pelan Tindakan Bandar Pintar Majlis Daerah Kerian

8

- Bengkel Pemurnian Belanjawan MDK Tahun 2026
- Kursus Pengurusan Fail Dan Pelaksanaan Digital Document Management System (DDMS)

9

- Kajian Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 (Kajian Semula) Pindaan Lawatan Tapak Ke Pulau Kalumpang, Mukim Kuala Kurau, Daerah Kerian, Perak
- Lawatan Tapak Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Aset Tak Alih (ATA) Tanah, Bangunan Dan Infrastruktur Bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

10

- Taklimat Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Majlis Daerah Kerian Tahun 2025
- Program Keselamatan Kebakaran Di Majlis Daerah Kerian

11

- Program Turun Padang Ke Lokasi Penyediaan Mural Pekan Lama Parit Buntar
- Program Turun Padang Di Pantai Ban Pecah

12

- Program Turun Padang
- Program Ilmu Bakti Dan Program Sahabat Komuniti Jabatan Kebajikan Masyarakat

13

- Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Majlis Daerah Kerian Tahun 2025 Sempena Bulan Kemerdekaan Malaysia Kali Ke-68 Tema: Malaysia Madani: Rakyat Disantuni
- Perjumpaan Kakitangan Majlis Daerah Kerian Bil. 7 Tahun 2025

14

- Bicara Integriti: "Integriti Bukan Pilihan, Tapi Suatu Kewajipan"
- Program Pengukuhan Pasukan Majlis Daerah Kerian
- Kursus Pengurusan Kenderaan Majlis Daerah Kerian

15

- Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Daerah Kerian Bil. 24/2025 & Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan Kepada Jabatan/ Agensi Teknikal Luaran
- Mesyuarat MJB Bil. 2 Tahun 2025

16

- Lawatan Pemeriksaan Paun Anjing Dan Lembu Milik Majlis Daerah Kerian Oleh Pegawai Kebajikan Haiwan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya
- Lawatan Penandaarasan Pelaksanaan Mypatil Majlis Daerah Kerian Ke Majlis Daerah Batu Gajah

17

- Sesi Libat Urus Bersama Penduduk Taman Pelangi
- Sesi Libat Urus Bersama Persatuan Penduduk Taman Kerian Putra Parit Buntar
- Penyerahan Kunci Program Bina Baharu Rumah Bandar

18

- Bengkel Engagement Di Antara TNB Bersama Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD) Negeri Perak, Pejabat Projek JPBD Zon Tengah (PPZT), Majlis Perbandaran Teluk Intan, Majlis Daerah Kerian, Majlis Daerah Batu Gajah Dan Majlis Daerah Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan
- Sesi Temu Bual Kumpulan Berfokus (FGD) Bagi Kajian Pembangunan Instrumen Dan Pelaksanaan Kajian Indeks Integriti Malaysia (INTEM) Bersama Kementerian/Agensi/Organisasi
- Persidangan Alamat 2025

19

- Pemeriksaan Saringan Kesihatan Bagi Kakitangan Wanita Majlis Daerah Kerian
- Saringan Kesihatan Dan Ujian Dadah Kakitangan Majlis Daerah Kerian
- Program Semakan Buku Perkhidmatan Kerajaan

20

- Hari Cuci Malaysia Peringkat Daerah Kerian 2025
- Program Perak Bersih Dan Sihat (Perak Best) 2.0 Majlis Daerah Kerian @ Taman Kerian Putra Parit Buntar

21

- Program Perak Bersih Dan Sihat (Perak Best) 2.0 Taman Serai Jaya 2025
- Pertandingan Kebersihan Dan Keceriaan Premis Sewaan Makanan Tahun 2025

22

- Ceramah Tentang Cara Pembuangan Dan Pengurusan Sampah Untuk Pelajar Sekolah Rendah Daerah Kerian Bagi Tahun 2025

23

- Penganugerahan Pingat
- Pelantikan Baru Ahli Majlis
- Belasungkawa Allahyarham Mohammad Syahrol Asmir Bin Osman

Sidang Redaksi

PENASIHAT

PUAN NORHAFISAH BINTI HAJI MOHAMAD

KETUA EDITOR

PUAN NORAZIAH BINTI ZAINOL ABIDIN

JURUGAMBAR

UNIT MEDIA MAJLIS DAERAH KERIAN

EDITOR

KETUA-KETUA JABATAN/ BAHAGIAN/UNIT MDK

KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MDK

PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH KERIAN

*A*ssalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

*S*yukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Buletin Majlis Daerah Kerian Bilangan 2 Tahun 2025 dapat diterbitkan sebagai wadah informasi yang merakam denyut nadi pembangunan, aspirasi warga kerja serta komitmen berterusan pihak Majlis dalam memperkukuh perkhidmatan kepada masyarakat.

*T*ahun 2025 menyaksikan Majlis Daerah Kerian terus melangkah dengan iltizam yang tinggi ke arah tadbir urus yang berintegriti, cekap dan berfokuskan rakyat. Dalam landskap pembangunan yang semakin mencabar, keupayaan kita untuk menyesuaikan diri, berinovasi dan bertindak secara proaktif menjadi penentu kepada keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam. Justeru, setiap inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan oleh pihak Majlis adalah berpaksikan prinsip kemampanan, kesejahteraan komuniti serta keseimbangan antara pembangunan fizikal dan kelestarian alam sekitar.

*S*aya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja Majlis Daerah Kerian yang sentiasa menunjukkan dedikasi, disiplin dan semangat kerja berpasukan yang jitu. Kejayaan pelaksanaan program, projek dan aktiviti Majlis bukanlah hasil usaha individu semata-mata, sebaliknya merupakan manifestasi kerjasama kolektif yang berterusan serta sokongan padu daripada Ahli Majlis, jabatan-jabatan teknikal dan agensi berkaitan.

*B*uletin ini diharapkan bukan sahaja menjadi medium penyampaian maklumat, malah berperanan sebagai cerminan komitmen Majlis dalam mengamalkan ketelusan, keterbukaan dan komunikasi berkesan dengan masyarakat. Setiap pencapaian yang diketengahkan dan cabaran yang dikongsikan adalah sebahagian daripada perjalanan Majlis dalam memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan tempatan.

*A*akhir kata, marilah kita bersama-sama meneruskan usaha dan amanah ini dengan penuh tanggungjawab, keikhlasan dan semangat kebersamaan demi memastikan Daerah Kerian terus maju, sejahtera dan berdaya huni untuk generasi kini dan akan datang.

*S*ekian, terima kasih

"KERIAN PINTAR, LESTARI DAN SEJAHTERA"

HELMI BIN YUSOF@JUSOH, PCM., AMP
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian



MAJLIS DAERAH KERIAN TERIMA DUA ANUGERAH SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN

Majlis Daerah Kerian (MDK) telah mencatatkan pencapaian membanggakan apabila menerima dua anugerah peringkat kebangsaan sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2025 Peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada 28 Oktober 2025 di Putrajaya.

MDK telah dianugerahkan Bandar Paling Mampan 2025 bagi kategori daerah, berdasarkan pengukuran Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets) 2025, sebagai pengiktirafan terhadap usaha berterusan Majlis dalam memperkukuh pembangunan mampan di daerah Kerian. Selain itu, MDK turut menerima pengiktirafan Bandar Pintar Tahap 1- "Smart City Early Adopter" atas komitmen dan usaha gigih Majlis dalam merealisasikan agenda Smart Nation 2040.

Kedua-dua anugerah tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh sebagai simbol pengiktirafan terhadap kecemerlangan pentadbiran dan perancangan bandar MDK.

Turut mengiringi Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian dalam majlis tersebut ialah Setiausaha Majlis Puan Norhafisah binti Haji Mohamad dan beberapa orang pegawai Majlis Daerah Kerian.



MAJLIS SIRIM INDUSTRI 2025

19 November 2025 - Sempena ulang tahun ke-5 penubuhannya, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah menganjurkan Majlis SIRIM Industri

(MSI) 2025 bertempat di Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur. Majlis berprestij ini telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian, Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh hadir bersama Setiausaha Majlis serta beberapa orang anggota kerja. Penganjuran program ini bertujuan mengiktiraf organisasi yang memperoleh pensijilan SIRIM QAS International bagi tahun 2024, di samping menghargai komitmen berterusan industri dan agensi kerajaan dalam mengekalkan standard kualiti, keselamatan serta kecekapan perkhidmatan.


Dalam majlis tersebut, Majlis Daerah Kerian telah dianugerahkan Pensijilan Anti-Bribery Management System (MS ISO 37001:2016), sekali gus mencerminkan komitmen berterusan MDK terhadap tadbir urus berintegriti, ketelusan pengurusan serta amalan kerja beretika.

**SAMBUTAN HARI ORANG KURANG UPAYA (OKU)
PERINGKAT KEBANGSAAN 2025**

3 Disember 2025 - Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Peringkat Kebangsaan 2025, anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah berlangsung di Kompleks Perbadanan Putrajaya dengan tema "Masyarakat Inklusif OKU, Kunci Kemajuan Sosial".



Dalam majlis berkenaan, Majlis Daerah Kerian telah menerima Anugerah PBT Prihatin yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Majlis ini turut dihadiri oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM serta YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

**MAJLIS DAERAH KERIAN TERIMA ANUGERAH
BANDAR PALING MAMPAN 2025 PERINGKAT
NEGERI PERAK**

Majlis Daerah Kerian (MDK) telah menerima Anugerah Bandar Paling Mampan 2025 sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2025 Peringkat Negeri Perak yang berlangsung pada 8 Disember 2025 di Dewan Bandaran Kampar.

Penganugerahan tersebut diberikan selepas MDK mencatatkan purata markah 98.079 peratus dalam Program Pelaksanaan Petunjuk Kemampanan Bandar-Luar Bandar (MURNInets), sekali gus membuktikan komitmen dan usaha berterusan Majlis dalam melaksanakan pembangunan bandar yang mampan dan seimbang.

Anugerah ini telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian, Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh, sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan perancangan dan tadbir urus Majlis Daerah Kerian di peringkat negeri.

MAJLIS DAERAH KERIAN RAIH DUA ANUGERAH DI FESTIVAL KOIR PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PERAK TAHUN 2025

Majlis Daerah Kerian meraih dua anugerah sempena Festival Koir Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Peringkat Negeri Perak Tahun 2025 yang berlangsung pada 4 Disember 2025 di Dewan Bandaran Majlis Perbandaran Teluk Intan.

Pasukan koir MDK yang mempersembahkan lagu rakyat dan lagu Tahun Melawat Malaysia telah berjaya memperoleh tempat kelima dan menerima Anugerah Persembahan Terbaik sekaligus membawa pulang dua buah trofi dan wang tunai sebanyak RM800.00 secara keseluruhannya.

Terdahulu, program ini telah dirasmikan oleh YB Puan Sandra Ng Shy Ching yang mewakili YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan yang mengalu-alukan kehadiran kesemua 12 buah PBT yang bertanding serta mengharapkan pertandingan ini menjadi platform terbaik kepada semua PBT untuk merapatkan ukhwah dan jalinan kerjasama antara satu sama lain.




MAJLIS DAERAH KERIAN MEMBENTANGKAN PROJEK INOVASI ESENTUH DALAM ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT) PERINGKAT NEGERI PERAK 2025



24 September 2025 - Majlis Daerah Kerian telah membentangkan projek inovasi bertajuk Bayaran Tanpa Tunai (eSentuh) sempena Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak 2025 yang diadakan di Bilik Media, Aras 2, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Pembentangan projek tersebut telah disampaikan oleh Encik Mahzan bin Morat, Ketua Kumpulan Digit selaku pembentang utama dan Puan Norazilla binti Mahat selaku pembentang kedua. Mereka turut disokong oleh lapan orang ahli kumpulan lain yang terdiri daripada pelbagai gred perjawatan dan jabatan yang terlibat secara langsung dalam pembangunan dan pelaksanaan projek ini.

Projek eSentuh merupakan inisiatif pembayaran tanpa tunai yang dibangunkan bagi memudahkan urusan bayaran secara digital. Ia bukan sahaja meningkatkan kecekapan perkhidmatan kutipan hasil, malah memberi nilai tambah dari segi ketelusan, integriti, keselamatan, serta kemudahan kepada para peniaga kecil dan staf MDK yang terlibat.

AUDIT PEMANTAUAN SIRIM MS ISO 9001:2015 DAN MS ISO 37001:2016

Sesi Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015) dan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ISO 37001:2016) Majlis Daerah Kerian telah dijalankan pada 14 hingga 16 Oktober 2025. Ahli pasukan audit SIRIM ialah Ts. Mohd Faizul bin Yusof, Encik Mohd Nasir bin Md. Zainuddin, Encik Serajudin bin Abdul Rahman dan Encik Mohd Shahril bin Mohd Arshad.

Sesi pembukaan audit telah diadakan pada 14 Oktober 2025 dan disusuli dengan sesi pengauditan ke atas semua jabatan yang telah ditetapkan mengikut Pelan Audit. Sesi pengauditan turut dijalankan di premis-premis makanan milik Majlis Daerah Kerian dan juga papan-papan iklan di sekitar Pusat Bandar Parit Buntar. Pada 16 Oktober 2025, sesi penutupan audit telah dijalankan di Bilik Alamanda, MDK dengan dihadiri oleh ketua-ketua jabatan.

SESI HEBAHAN DAN PERBINCANGAN PELAN INDUK BANDAR PINTAR NEGERI PERAK DAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR MAJLIS DAERAH KERIAN

Sesi Hebahan dan Perbincangan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Perak 2040 serta Pelan Tindakan Bandar Pintar Majlis Daerah Kerian 2040 telah berlangsung pada 17 Disember 2025. Program ini bertujuan memperkukuh pemahaman serta penyelarasan hala tuju pembangunan bandar pintar di peringkat negeri dan daerah melalui pendekatan bersepadu.

Sesi pembentangan telah disampaikan oleh TPr Anas bin Dolah, Ketua Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap, yang menghuraikan kerangka serta hala tuju pelaksanaan *Blueprint* Bandar Pintar Negeri Perak 2040. Pembentangan seterusnya oleh Encik Muhammad Aizat bin Zubir, Penolong Pegawai Perancangan Bandar dan Landskap, memfokuskan kepada Pelan Tindakan Bandar Pintar Majlis Daerah Kerian 2040 merangkumi cadangan inisiatif dan tindakan strategik di peringkat daerah.

Program ini disempurnakan dengan ucapan penutup oleh Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh, Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian, yang menzahirkan komitmen pihak majlis bersama agensi berkaitan dalam merealisasikan agenda bandar pintar secara berfasa dan berimpak tinggi demi kesejahteraan masyarakat.





BENGKEL PEMURNIAN BELANJAWAN MDK TAHUN 2026

Tarikh	13 hingga 15 Julai 2025
Lokasi	Copthorne Hotel, Cameron Highlands
Keterlibatan	Yang Dipertua Majlis, Setiausaha, 4 orang Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan serta kakitangan Majlis (38 orang)
Tujuan	Untuk memperhalusi keutamaan pendapatan dan perbelanjaan, menambah baik perancangan program tahunan serta memastikan pengurusan kewangan yang lebih cekap, telus dan berimpak tinggi




KURSUS PENGURUSAN FAIL DAN PELAKSANAAN DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM (DDMS)

Tarikh	16 hingga 17 Julai 2025
Lokasi	Bilik Alamanda, Majlis Daerah Kerian
Keterlibatan	Penceramah jemputan, Encik Saifurnizam bin Yaakob, dari Arkib Negara Malaysia Negeri Perak. Kursus ini dihadiri oleh hampir 50 orang peserta terdiri daripada kakitangan pelbagai gred perjawatan dan jabatan dalam MDK.
Tujuan	<ul style="list-style-type: none">• Memperkukuh kefahaman peserta terhadap kaedah pengurusan fail yang berkesan serta memperkenalkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Dokumen Digital selaras dengan keperluan transformasi digital sektor awam.• Pendekatan ini dijangka dapat meningkatkan kecekapan pengurusan rekod dan memudahkan capaian maklumat yang lebih pantas dan sistematik, aspek pengurusan rekod dan fail selaras dengan prosedur yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia serta kepentingannya dalam memastikan integriti, keselamatan dan kebolehesanan dokumen dalam organisasi kerajaan



KAJIAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PERAK 2040 (KAJIAN SEMULA)
Pindaan Lawatan Tapak ke Pulau Kalumpang, Mukim Kuala Kurau, Daerah Kerian, Perak

Tarikh	8 Oktober 2025
Lokasi	Pulau Kalumpang, Mukim Kuala Kurau, Daerah Kerian
Keterlibatan	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Ibu Pejabat (PLANMalaysia), PLANMalaysia Negeri Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Kerian, Setiausaha Majlis Daerah Kerian, Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa MDK, perunding yang dilantik.
Tujuan	Lawatan tapak sempena pelaksanaan Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 yang melibatkan kawasan Pulau Kalumpang, Mukim Kuala Kurau, Daerah Kerian bagi mengenal pasti kawasan daratan yang wujud disekitar Pulau Kalumpang serta persempadanan di bawah Kerian



LAWATAN TAPAK NAZIRAN PEMATUHAN PERAKAUNAN AKRUAN ASET TAK ALIH (ATA) TANAH, BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR BAGI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK

Tarikh	9 Oktober 2025
Lokasi	Melibatkan 17 lokasi, yang merangkumi 5 mukim iaitu Mukim Beriah, Mukim Parit Buntar, Mukim Kuala Kurau, Mukim Bagan Serai dan Mukim Selinsing
Kerjasama	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Majlis Daerah Kerian dan PDT Kerian
Keterlibatan	Puan Noor Rosilawati binti Taib dan Encik Firdaos bin Mohamad Aris (Kumpulan Naziran), Encik Izzat Hariz bin Zahari dan Cik Nuranita binti Muhamad Pahri (SUK), Encik Muhammad Aizat bin Mohd Zubir (MDK), Encik Nazrul Fazli bin Talip (PDT Kerian)
Tujuan	Lawatan tapak naziran telah dijalankan oleh melibatkan aset tanah, bangunan dan infrastruktur di seluruh negeri Perak bagi menilai pematuhan terhadap perakaunan akruan aset tak alih (ATA), menyemak rekod serta kedudukan sebenar aset tak alih di lokasi terlibat dan untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada pegawai berkaitan



TAKLIMAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT MAJLIS DAERAH KERIAN TAHUN 2025

Tarikh 23 Julai 2025

Lokasi Majlis Daerah Kerian

Penceramah Encik Baharuddin bin Hamsin, wakil daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Perak

Tujuan

- Sebagai usaha meningkatkan kesedaran dan pematuhan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, amalan kerja selamat, pengurusan risiko serta kepatuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994).
- Mempertingkatkan kefahaman mengenai tanggungjawab majikan dan pekerja dalam mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan



PROGRAM KESELAMATAN KEBAKARAN DI MAJLIS DAERAH KERIAN

Majlis Daerah Kerian (MDK) dengan kerjasama Balai Bomba dan Penyelamat Parit Buntar telah berjaya menganjurkan Taklimat Keselamatan Kebakaran yang turut merangkumi Latihan Kebakaran serta demonstrasi pemadaman api pada 31 Julai 2025 bertempat di perkarangan bangunan Majlis Daerah Kerian.

Taklimat telah disampaikan oleh Encik Yusuff bin Zakaria, Penolong Penguasa Bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Parit Buntar yang memberi penerangan terperinci mengenai persediaan mengadakan latihan kecemasan, langkah-langkah pencegahan kebakaran dan tindakan segera semasa kebakaran. Sesi ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan anggota kerja MDK tentang keselamatan kebakaran di tempat kerja.

Selesai taklimat, satu latihan kebakaran telah dilaksanakan dengan semua anggota kerja diarahkan keluar dari bangunan mengikut laluan kecemasan sebaik sahaja isyarat kecemasan dibunyikan. Latihan ini bertujuan menguji tahap kefahaman dan persediaan terhadap prosedur kecemasan yang telah ditetapkan.

Program diteruskan dengan demonstrasi pemadaman api oleh anggota bomba yang menunjukkan cara memadam api menggunakan alat pemadam api jenis ABC dan teknik yang betul dalam menangani kebakaran kecil. Para peserta turut berpeluang mencuba sendiri kaedah tersebut di bawah bimbingan anggota bomba. Pihak bomba turut berkongsi langkah asas menyelamatkan mangsa lemas serta menekankan kepentingan persediaan awal dalam menghadapi kecemasan agar kita lebih bersedia untuk bertindak dalam keadaan tenang jika berlaku sebarang kemalangan.

PROGRAM TURUN PADANG KE LOKASI PENYEDIAAN MURAL PEKAN LAMA PARIT BUNTAR

Tarikh	23 Julai 2025
Lokasi	Lorong Ah Tak, Jalan Menteri dan Jalan Syed Hamid, Pekan Lama Parit Buntar
Keterlibatan	Setiausaha Majlis Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Ahli Majlis Puan Khor Kim Hong, TPr. Hj. Anas bin Dolah Ketua Jabatan Perancangan Bandar & Landskap, Ir. Mohd Akhmar bin Mohd Mokhtar Ketua Jabatan Kejuruteraan serta pelukis mural Encik Zul Azizul
Keterlibatan	Pemantauan dan perkembangan projek menaik taraf lokasi yang terlibat dengan lukisan mural. Projek pengindahan melalui lukisan mural ini diperingkat akhir penyiapan yang melibatkan lukisan 3D di Lorong Ah Tak manakala lokasi pertama dan kedua telah disiapkan terlebih dahulu. Imej yang menonjolkan kepelbagaian masyarakat di Malaysia telah diabadikan di bangunan Jalan Syed Hamid beserta imej-imej yang sinonim dengan Daerah Kerian seperti sawah padi dan aktiviti perikanan. Manakala mural di Jalan Menteri lebih menonjolkan imej makanan yang sinonim di daerah ini.



PROGRAM TURUN PADANG DI PANTAI BAN PECAH

Tarikh	19 Julai 2025
Lokasi	Pantai Ban Pecah, Tanjung Piandang
Keterlibatan	Setiausaha Majlis Daerah Kerian Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Ketua Jabatan Penguatkuasaan serta beberapa orang kakitangan Majlis.
Keterlibatan	Untuk menilai tahap kepatuhan para penyewa terhadap aspek kebersihan persekitaran kiosk, selain turut meneliti keadaan fasiliti dan kemudahan awam yang disediakan oleh pihak Majlis. Pemantauan juga turut melibatkan aspek kawalan lalu lintas dan pelaksanaan sistem parkir berbayar yang dikendalikan oleh JPKK Batu 14 di kawasan itu.



BIL.	TARIKH	PROGRAM
1.	1/7/2025	Turun padang diadakan di bawah penganjuran Pejabat Daerah dan Tanah Kerian bagi penguatkuasaan Akta Air 1920.
2.	2/7/2025	Turun padang diadakan di premis perniagaan lot 2218 Simpang Lima Parit Buntar berkaitan pihak pengusaha memohon rayuan lesen perniagaan bagi memproses simen konkrit
3.	20/8/2025	Turun padang diadakan di premis perniagaan Lot 9538 Sungai Rawa Simpang Lima Parit Buntar bagi siasatan aduan pencemaran daripada pelepasan kilang membuat 'paper board'.
4.	23/9/2025	<ul style="list-style-type: none"> Turun padang diadakan di premis perniagaan No. 464 dan no. 464A Batu 14 Jalan Pantai Kuala Kurau. Pihak Majlis mendapati aduan berkaitan premis hasil laut berbau busuk dan longkang kotor Turun padang diadakan di premis perniagaan di Lot 1693, Sungai Baru, Batu 11 1/2, Jalan Pantai Tanjung Piandang.
5.	26/9/2025	Turun padang diadakan di pusat penjaja Jalan Maharaja Bagan Serai berkaitan aduan longkang tersumbat dan kotor.
6.	27/10/2025	Turun padang diadakan di premis perniagaan No. 464 dan no. 464A Batu 14 Jalan Pantai Kuala Kurau untuk tindakan pemantauan syarat-syarat kebersihan yang melibatkan air cucian (hasil laut dan premis) yang dialirkan ke longkang awam
7.	29/12/2025	Turun padang diadakan di pinggir Sungai Kerian Pekan Lama. Semakan di lokasi air tidak berwarna hitam dan tiada bau.



PROGRAM ILMU BAKTI DAN PROGRAM SAHABAT KOMUNITI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Tarikh 25 dan 26 Julai 2025

Lokasi Kampung Kedah, Parit Buntar

Keterlibatan Majlis Daerah Kerian (MDK), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Tujuan Gotong-royong di kawasan Masjid Hijau, Kampung Kedah dan Jalan Sempadan

**PELANCARAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT MAJLIS DAERAH KERIAN TAHUN 2025 SEMENA BULAN KEMERDEKAAN MALAYSIA KALI KE-68
TEMA: MALAYSIA MADANI: RAKYAT DISANTUNI**

Tarikh	8 Ogos 2025
Lokasi	Medan Bendera, Perkarangan Wisma MDK
Penceramah	Yang Dipertua, Setiausaha Majlis, Ahli-ahli Majlis dan anggota kerja Majlis Daerah Kerian
Tujuan	<ul style="list-style-type: none"> • Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Kebesaran Negeri Perak • Penyerahan bendera Malaysia kepada ketua-ketua jabatan, ahli-ahli majlis • Peletakan bendera Jalur Gemilang pada kenderaan jabatan



PERJUMPAAN KAKITANGAN MAJLIS DAERAH KERIAN BIL. 7 TAHUN 2025

Tarikh	30 September 2025
Lokasi	Dewan Zainal Abidin Zin, Bagan Serai, Perak
Keterlibatan	Yang Dipertua, Setiausaha, anggota kerja Majlis Daerah Kerian dan ahli-ahli Majlis, Majlis Daerah Kerian
Tujuan	<ul style="list-style-type: none"> • Peluncuran Pelan Strategik Majlis Daerah Kerian 2025-2030 • Penyampaian Sijil dan Hadiah Penghargaan kepada kakitangan Majlis Daerah Kerian yang telah bersara pada bulan Mei hingga September 2025 • Penyampaian Sijil Persaraan dan hadiah insentif kepada pesara Majlis Daerah Kerian tahun 2024. Sijil Persaraan dan hadiah insentif ini adalah daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan • Penyampaian Anugerah Khas Yang Dipertua kepada ahli Kumpulan Meteor 2.0 yang terlibat dalam Pertandingan Inovasi MALA 3.0: Piala YB Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tahun 2024-2025



BICARA INTEGRITI: "INTEGRITI BUKAN PILIHAN, TAPI SUATU KEWAJIPAN"

Tarikh	18 November 2025
Lokasi	Dewan Kerian Permai, Parit Buntar, Perak.
Penceramah	Saudara Syamsul Amri bin Ismail (Syamsul Debat)
Keterlibatan	200 orang peserta terdiri daripada Setiausaha Majlis, Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan/bahagian/unit, anggota kerja Majlis Daerah Kerian, wakil Pejabat Daerah dan Tanah Kerian, PDRM Kerian, Jabatan Kerja Raya Kerian, Jabatan Pengairan dan Saliran Kerian, Pejabat Kesihatan Daerah Kerian dan Pejabat Pendidikan Daerah Kerian
Tujuan	Memberi pendedahan serta kefahaman mengenai kepentingan integriti dalam kehidupan seharian dan perkhidmatan awam.



PROGRAM PENGUKUHAN PASUKAN MAJLIS DAERAH KERIAN

Tarikh	22 hingga 23 Disember 2025
Lokasi	Selama, Perak
Keterlibatan	Majlis Daerah Kerian dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan MDK dan 40 orang anggota kerja Majlis Daerah Kerian
Tujuan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengukuhkan kerjasama antara anggota kerja Majlis Daerah Kerian melalui penglibatan mereka dalam program sukaneka rakyat, aktiviti White Water Rafting dan mendaki Bukit Lata Putih. • Meningkatkan pengetahuan dan berkongsi pengalaman bersama Encik Zakaria bin Tajuddin mantan Pembantu Tadbir Kanan Majlis Perbandaran Taiping berhubung peranan dan tanggungjawab anggota kerja di PBT.

KURSUS PENGURUSAN KENDERAAN MAJLIS DAERAH KERIAN

Tarikh	14 hingga 16 November 2025
Lokasi	Selama Inn @ Rumah Rehat Selama, Perak.
Penceramah	Encik Amirulbahri bin Mastor, dari Seksyen Pengurusan Kenderaan, Bahagian Pengurusan Aset Awam, Kementerian Kewangan Malaysia
Keterlibatan	28 orang peserta terdiri daripada pegawai kenderaan, pemandu kenderaan dan pemandu gantian MDK
Tujuan	Memberi pendedahan dan kefahaman tentang pengurusan kenderaan, pengurusan buku log, notis kesalahan lalu lintas, tanggungjawab pegawai kenderaan, tugas pemandu dan keselamatan kenderaan



**MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) MAJLIS DAERAH KERIAN
BIL. 24/2025 & MAJLIS PENYAMPAIAN
SIJIL PENGHARGAAN KEPADA JABATAN/ AGENSI TEKNIKAL LUARAN**

Tarikh	17 Disember 2025
Lokasi	Hotel Novotel Taiping, Perak
Keterlibatan	Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh, Setiausaha Majlis Daerah Kerian Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Ketua Unit Pusat Setempat Encik Muhammad Reduan bin Jaafar, Wakil-wakil Jabatan/ Agensi Teknikal Luaran, Ketua Jabatan Teknikal Dalam dan Ahli Majlis, MDK
Tujuan	<ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat OSC berperanan sebagai platform utama dalam mempertimbang dan meluluskan permohonan pelan-pelan pemajuan di Daerah Kerian. Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan diadakan bagi menghargai keterlibatan dan kerjasama agensi teknikal dalam proses kerja ini pada tahun 2025



MESYUARAT MBJ BIL. 2 TAHUN 2025	
Tarikh	14 Julai 2025
Lokasi	Copthorne Hotel, Cameron Highlands
Keterlibatan	Yang Dipertua Majlis, Setiausaha, ahli pihak pegawai dan pihak pekerja yang telah dilantik sepertimana Perlembagaan MBJ, Majlis Daerah Kerian
Tujuan	Skop perbincangan merujuk isu-isu yang berkaitan dengan : i) Kewangan dan kemudahan ii) Pentadbiran iii) Sumber manusia iv) Kebajikan v) Inovasi dan produktiviti

LAWATAN PEMERIKSAAN PAUN ANJING DAN LEMBU MILIK MAJLIS DAERAH KERIAN OLEH PEGAWAI KEBAJIKAN HAIWAN IBU PEJABAT JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR PUTRAJAYA

Tarikh	30 Julai 2025
Lokasi	Majlis Daerah Kerian
Keterlibatan	Pasukan Pegawai Kebajikan Haiwan ibu pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya yang diketuai oleh Puan Dr. Hajjah Ani binti Yardi dan Jabatan Penguatkuasaan Majlis Daerah Kerian
Tujuan	Pemeriksaan paun ini meliputi aspek kebajikan dan keselamatan haiwan yang ditangkap oleh anggota Jabatan Penguatkuasaan Majlis Daerah Kerian. Pelbagai kaedah untuk menangkap anjing telah ditunjukkan termasuk penggunaan perangkap Pintar (ESmaC).



LAWATAN PENANDAARASAN PELAKSANAAN myPATIL MAJLIS DAERAH KERIAN KE MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Tarikh	13 Ogos 2025
Lokasi	Majlis Daerah Batu Gajah
Keterlibatan	6 orang anggota kerja Majlis Daerah Kerian yang terdiri daripada Ketua Jabatan Penguatkuasaan dan Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
Tujuan	Lawatan penandaarasan perkongsian pengalaman dan maklumat berkaitan pelaksanaan sistem myPATIL. Program ini memberi pendedahan kepada anggota kerja MDK mengenai pelaksanaan sistem myPATIL di MDBG, di samping memahami amalan terbaik yang boleh dijadikan rujukan dalam memperkukuh keberkesanan sistem ini di MDK.



SESI LIBAT URUS BERSAMA PENDUDUK TAMAN PELANGI

Tarikh 6 Oktober 2025

Lokasi Taman Pelangi, Parit Buntar

Keterlibatan Setiausaha Majlis Daerah Kerian Puan Norhafisah binti Hj Mohamad, Ahli Majlis Tuan Hj. Shahrul Nizam bin Razali, Ketua Jabatan Kejuruteraan Encik Mohd Akhmar bin Mohd Moktar, wakil pemaju dan seramai 20 orang wakil penduduk Taman Pelangi.

Tujuan Membincangkan masalah yang dihadapi oleh penduduk berkaitan pemajuan kawasan taman perumahan baru.



SESI LIBAT URUS BERSAMA PERSATUAN PENDUDUK TAMAN KERIAN PUTRA PARIT BUNTAR

Tarikh 12 Ogos 2025

Lokasi Majlis Daerah Kerian

Keterlibatan Majlis Daerah Kerian dan Jawatankuasa Penduduk Taman Kerian Putra Parit Buntar

Tujuan Membincangkan kerjasama pelaksanaan program dan isu-isu perbandaran yang melibatkan Taman Kerian Putra, Parit Buntar

PENYERAHAN KUNCI PROGRAM BINA BAHARU RUMAH BANDAR

Tarikh 6 Oktober 2025

Peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) - PPKB

Pelaksanaan Program Penyampaian kunci rumah bandar disempurnakan oleh YBhg. Dato Sham bin Mat Sahat Penyelaras DUN Gunung Semanggol kepada peserta PPKB yang layak diiringi Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian, Puan Norhafisah binti Hj Mohamad Setiausaha Majlis, Cir. Encik Shaharuddin dan wakil kontraktor.






BENGKEL ENGAGEMENT DI ANTARA TNB BERSAMA JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (JPBD) NEGERI PERAK, PEJABAT PROJEK JPBD ZON TENGAH (PPZT), MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN, MAJLIS DAERAH KERIAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH DAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM, PERAK DARUL RIDZUAN

Tarikh	5 November 2025
Lokasi	Hotel Mercure Penang Beach, Tanjung Bungah, Pulau Pinang
Keterlibatan	Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Perak, Pejabat Projek JPBD Zon Tengah (PPZT), Majlis Perbandaran Teluk Intan, Majlis Daerah Kerian, Majlis Daerah Batu Gajah dan Majlis Daerah Tanjong Malim
Tujuan	Memperkukuh kerjasama strategik antara TNB dan pihak berkuasa tempatan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan serta mempercepatkan pelaksanaan projek infrastruktur tenaga di kawasan masing-masing.



SESI TEMU BUAL KUMPULAN BERFOKUS (FGD) BAGI KAJIAN PEMBANGUNAN INSTRUMEN DAN PELAKSANAAN KAJIAN INDEKS INTEGRITI MALAYSIA (InTEM) BERSAMA KEMENTERIAN/AGENSI/ORGANISASI

Tarikh	6 Ogos 2025
Lokasi	UITM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar
Keterlibatan	<ul style="list-style-type: none"> • Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Universiti Teknologi MARA (UITM) • Prof Madya Sr Dr. Irwan Mohammad Ali (fasilitator) • Wakil MDK-Encik Mahzan bin Morat
Tujuan	<ul style="list-style-type: none"> • Meneroka isu integriti dan komponen/domain/teras/ tunjang utama integriti mengikut acuan negara Malaysia. • Mengukur persepsi masyarakat Malaysia terhadap isu integriti di dalam negara



PERSIDANGAN ALAMAT 2025

Tarikh	16 dan 17 Julai 2025
Lokasi	Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)
Perasmi	Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil
Keterlibatan	Encik Muhammad Aizat bin Mohd Zubir dan Encik Muhammad Faiz bin Mohamad Fuad
Tujuan	Pelaksanaan menyeluruh Sistem Alamat Nasional (NAS) di negara ini, memberi fokus kepada dasar strategik dan amalan terbaik global dalam tadbir urus pengalamatan

PEMERIKSAAN SARINGAN KESIHATAN BAGI KAKITANGAN WANITA MAJLIS DAERAH KERIAN

Tarikh 20 Ogos 2025

Lokasi Bilik Alamanda, Majlis Daerah Kerian

Keterlibatan 39 orang anggota kerja wanita Majlis Daerah Kerian

Tujuan

Mengenal pasti status kesihatan kakitangan wanita. Pemeriksaan kesihatan yang dijalankan ialah:

- 1) Soal selidik sejarah penyakit sendiri dan penyakit keluarga
- 2) Pemeriksaan tekanan darah
- 3) Pemeriksaan paras gula dalam darah
- 4) Pemeriksaan paras kolesterol dalam darah
- 5) Pemeriksaan Indeks Jisim Tubuh (IJT) atau Body Mass Index (BMI)
- 6) Saringan kanser serviks (ujian HPV DNA)
- 7) Sesi kaunseling



SARINGAN KESIHATAN DAN UJIAN DADAH KAKITANGAN MAJLIS DAERAH KERIAN

Tarikh 15 dan 16 Oktober 2025

Lokasi Pejabat cawangan MDK

Kerjasama • MDK, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Kerian dan Klinik Kesihatan Daerah Kerian

Keterlibatan • 126 orang kakitangan lelaki menjalani ujian saringan dadah
• 156 orang kakitangan MDK turut terlibat dalam saringan kesihatan menyeluruh

Tujuan • Memastikan semua kakitangan bebas daripada penyalahgunaan dadah
• Menilai tahap kesihatan semasa serta menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan warga majlis.
• Memastikan kesejahteraan dan keselamatan warga kerja MDK.

PROGRAM SEMAKAN BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN

Tarikh 13 Ogos 2025 hingga 21 Ogos 2025

Lokasi Bilik Melati, Majlis Daerah Kerian

Keterlibatan Semua anggota kerja Majlis Daerah Kerian

Tujuan

Memberi peluang kepada anggota kerja MDK membuat semakan rekod dalam buku perkhidmatan bagi memastikan semua rekod perkhidmatan direkod dengan tepat. Semakan buku perkhidmatan ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan bilangan 15. tahun 2008 iaitu semakan buku perkhidmatan perlu dilaksanakan oleh setiap penjawat awam pada setiap tahun untuk memastikan maklumat pegawai telah dikemas kini.





HARI CUCI MALAYSIA PERINGKAT DAERAH KERIAN 2025



Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Hari Cuci Malaysia (HCM): Program Mega Pembersihan bersempena Sambutan World Clean Up Day pada 27 September 2025, bermula jam 7.00 pagi hingga 5.00 petang. Program ini dilaksanakan secara serentak di seluruh negara melibatkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan merupakan tahun kedua pelaksanaannya pada hari Sabtu terakhir bulan September setiap tahun. Seiring dengan inisiatif ini, Majlis Daerah Kerian (MDK) dengan kerjasama Masjid Al-Hidayah serta Persatuan Penduduk Taman Desa Mekar, Parit Buntar telah melaksanakan program HCM di peringkat Daerah Kerian pada tarikh berkenaan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Cir. Imran bin Mohd Yusof yang telah merasmikan Hari Cuci Malaysia Peringkat Daerah Kerian bagi mewakili Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian.

Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti senamrobik, gotong-royong pembersihan kawasan, pemeriksaan kesihatan, pameran dari Tabung Haji, pameran dari Baitulmal, Jualan Agro Madani serta kutipan barangan kitar semula dan e-Waste yang berjaya dikumpulkan sebanyak 779.35 kg. Program turut dimeriahkan dengan pertandingan mewarna kanak-kanak bertemakan alam sekitar, pertandingan gubahan dari barangan kitar semula serta pertandingan kutipan kitar semula dan e-Waste terberat. Program ini juga telah mengumpulkan sebanyak 4570 kg janaan sisa dan minyak masak terpakai sebanyak 11.5 kg. Pengisian lain sepanjang HCM ini berlangsung iaitu pengumpulan barang kitar semula dan e-waste di Taman Berlian Parit Buntar. Selain itu juga, aktiviti pembersihan juga dijalankan di Bangunan Bazar MDK Jalan Syarikat Parit Buntar, Pejabat Cawangan Majlis Parit Buntar dan Pejabat Cawangan Majlis Bagan Serai.

PROGRAM PERAK BERSIH DAN SIHAT (PERAK BEST) 2.0 MAJLIS DAERAH KERIAN @ TAMAN KERIAN PUTRA PARIT BUNTAR

Tarikh 17 Ogos 2025

Lokasi Taman Kerian Putra, Parit Buntar

Keterlibatan Majlis Daerah Kerian dan Komuniti Persatuan Penduduk Taman Kerian Putra

Aktiviti Program

Operasi pemusnahan sarang gagak, senamrobik, gotong-royong pembersihan kawasan, pemeriksaan kesihatan, kutipan barangan kitar semula dan e-waste, pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan gubahan dari barangan kitar semula



PROGRAM PERAK BERSIH DAN SIHAT (PERAK BEST) 2.0 TAMAN SERAI JAYA 2025

Tarikh 2 Ogos 2025


Lokasi Taman Serai Jaya, Bagan Serai

Keterlibatan

- Setiausaha Majlis Daerah Kerian Puan Norhafisah binti Mohamad.
- Penyelaras DUN Alor Pongsu, Encik Nazirul bin Mohd Nasir.
- Penduduk Taman Serai Jaya, jabatan kerajaan, sekolah dan NGO dan orang ramai

Tujuan

Senamrobik, gotong-royong pembersihan kawasan, pameran kesedaran alam sekitar oleh Jabatan Alam Sekitar, pemeriksaan kesihatan dan pergigian percuma, kutipan barangan kitar semula dan e-waste, pertandingan mewarna kanak-kanak bertemakan alam sekitar, pertandingan gubahan daripada barangan kitar semula.



PERTANDINGAN KEBERSIHAN DAN KECERIAAN PREMIS SEWAAN MAKANAN TAHUN 2025

24 Oktober 2025 - Majlis Daerah Kerian (MDK) telah menganjurkan Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan Premis Sewaan Makanan Tahun 2025 yang dirasmikan oleh Setiausaha Majlis, Puan Norhafisah binti Mohamad di Gerai Rakyat Pekan Baru, Parit Buntar. Hadir sama dalam program ini ialah Ahli-ahli Majlis Daerah Kerian. Program ini bertujuan meningkatkan tahap kebersihan premis perniagaan serta memupuk kesedaran penyewa terhadap amalan kebersihan dan keselamatan makanan.

Sebanyak lebih 185 gerai makanan di sekitar kawasan pentadbiran MDK terlibat dalam pertandingan ini. Penilaian meliputi aspek amalan peniaga, kebersihan dalaman dan persekitaran premis, kebersihan penyediaan makanan serta keceriaan premis sewaan. Pada majlis tersebut, Setiausaha Majlis turut menyampaikan apron rasmi MDK dan cenderamata kepada semua penyewa Gerai Rakyat Pekan Baru. Pemenang pertandingan akan menerima sijil penghargaan dan insentif sebagai galakan untuk mengekalkan tahap kebersihan dan keceriaan yang terbaik.





CERAMAH TENTANG CARA PEMBUANGAN DAN PENGURUSAN SAMPAH UNTUK PELAJAR SEKOLAH RENDAH DAERAH KERIAN BAGI TAHUN 2025

Tarikh	24 Ogos 2025
Lokasi	Sekolah Kebangsaan Bagan Serai
Penganjur	Sekolah Kebangsaan Bagan Serai
Penceramah	Encik Ghazali bin Mohd Hanif (Jabatan Kesihatan Persekutaran)
Keterlibatan	Pengurusan sekolah, guru, murid-murid
Tujuan	Memupuk tabiat cintakan kebersihan dan tanggungjawab semua pihak untuk mengekalkan kebersihan dan keindahan alam sekitar



PEMBERSIHAN HENTIAN RAYA BAGAN SERAI

Tarikh 9 Julai 2025

PEMBERSIHAN HENTIAN RAYA PARIT BUNTAR

Tarikh 10 Julai 2025

PEMBERSIHAN SEKITAR KIOSK PANTAI BAN PECAH

Tarikh 23 Julai 2025

PEMBERSIHAN PASAR AWAM PARIT BUNTAR

Tarikh 30 Julai 2025



TAHNIAH**PENGANUGERAHAN PINGAT**

Yang Dipertua, Ahli-ahli Majlis dan seluruh kakitangan Majlis Daerah Kerian merakamkan ucapan tahniah kepada Haji Anas bin Dolah, Ketua Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap, Majlis Daerah Kerian di atas Penganugerahan Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T.) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah tahun 2025 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak pada 15 November 2025.

PELANTIKAN BARU AHLI MAJLIS

Yang Dipertua, Ahli-ahli Majlis dan seluruh kakitangan Majlis Daerah Kerian merakamkan ucapan tahniah kepada Clr. Nur Hafizatul Khairah binti Abu Samah di atas pelantikan beliau sebagai Ahli Majlis, Majlis Daerah Kerian yang baru. Majlis Angkat Sumpah Pengakuan Menerima Jawatan Ahli Majlis, Majlis Daerah Kerian telah disempurnakan pada 30 September 2025 di Majlis Daerah Kerian.

**BELASUNGKAWA****ALLAHYARHAM MOHAMMAD SYAHROL ASMIR BIN OSMAN**

Yang Dipertua, Ahli-ahli Majlis dan seluruh kakitangan Majlis Daerah Kerian merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Mohamad Syahrol Asmir bin Osman, Pembantu Khidmat Am Gred H1 Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap yang telah kembali kerahmatullah pada 5 September 2025 kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya semasa beliau dalam perjalanan ke tempat kerja. Penyampaian Sumbangan Sagu Hati dan Bantuan Wang Pengurusan Jenazah telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian, Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh kepada keluarga Allahyarham pada 10 September 2025 di Majlis Daerah Kerian



PROGRAM SENAMROBIK/ZUMBA 2025

Tarikh	11 Julai 2025
Lokasi	Padang Bandaran Parit Buntar, Perak
Keterlibatan	Local Agenda 21 (LA21) Kerian, 450 orang peserta
Tujuan	Menggalakkan cara hidup sihat melalui aktiviti senamrobik/zumba



MAZE ORIENTEERING MALAYSIA CHAMPIONSHIP

Tarikh	17 hingga 19 Oktober 2025
Lokasi	Padang Bandaran Parit Buntar, Perak
Keterlibatan	Majlis Daerah Kerian dan Kelab Orienteering Malaysia (penganjur), 425 peserta dari seluruh negara daripada pelbagai kategori umur iaitu bawah 12 tahun, bawah 17 tahun, bawah 22 tahun (Institusi Pengajian Tinggi), 23 hingga 34 tahun, 35 hingga 40 tahun serta 45 tahun ke atas, bagi lelaki dan wanita
Tujuan	Memperkukuh minat masyarakat terhadap sukan orienteering, malah mampu memberi impak positif kepada sektor pelancongan domestik, khususnya di daerah Kerian.